

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



PROGRAM BANTUAN KEWANGAN BANK ISLAM DIKEMBANGKAN UNTUK BANTU PELANGGAN TERJEJAS AKIBAT COVID-19

Ringankan Beban Kewangan Individu dan Perniagaan yang Terjejas

KUALA LUMPUR, Khamis, [19 Mac 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") mengembangkan program bantuannya untuk merangkumi penangguhan sementara pembayaran balik pembiayaan (moratorium) sehingga 6 bulan, di samping program sedia ada yang ditawarkan iaitu penjadualan dan penstrukturan semula pembiayaan kepada semua individu dan perniagaan yang terjejas seperti yang diumumkan terdahulu pada 11 Februari 2020 yang lalu.

Selain itu, bagi pelanggan perniagaan, PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM1 juta untuk tempoh sehingga 5.5 tahun. Ini termasuk moratorium pembiayaan pembayaran balik sehingga tempoh 6 bulan pada kadar pembiayaan yang berpatutan sebanyak 3.75% setahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Berikutan kebimbangan mengenai kes COVID-19 yang semakin meningkat, Bank Islam mengikuti rapat berita mengenai perkembangan situasi ini dan secara aktif menghubungi pelanggannya yang mungkin terjejas. Kebajikan dan kepentingan masyarakat serta pelanggan kami sentiasa menjadi salah satu keutamaan Bank Islam. Oleh itu, kami mengambil tindakan proaktif dalam membantu pelanggan dan perniagaan untuk menangani masalah kewangan mereka. Kami berharap pengembangan program ini akan membantu melegakan kebimbangan individu dan perniagaan terhadap komitmen bulanan kewangan mereka di sepanjang ketidaktentuan ini."

"Perkhidmatan Bank Islam tidak terjejas sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan bermula 18 hingga 31 Mac 2020 dan kami beroperasi seperti biasa" tambah beliau.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut tentang kelayakan moratorium ini, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian **03 2690 0900**.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1200 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com</p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
--	--